

Malaysia terima enam projek pembuatan Turkiye RM429.2 juta

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
juani.bakar@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Sebanyak enam projek pembuatan dengan pelaburan dari Turkiye telah dilaksanakan di negara ini membabitkan AS\$123.2 juta atau RM429.2 juta.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kerajaan akan terus memperkukuhkan jaringan perniagaan ke perniagaan antara Malaysia dan Turkiye serta mengalukan syarikat-syarikat negara berkenaan untuk meneroka pelbagai peluang perdagangan di sini.

"Republik Turkiye kekal menjadi salah satu rakan dagangan penting Malaysia. Pada 2022, Turkiye merupakan rakan dagangan ketiga terbesar Malaysia, destinasi eksport terbesar dan sumber import keenam terbesar dalam kalangan negara Asia Barat, dengan perdagangan dua hala berjumlah AS\$4.62 bilion (RM20.25 bilion)," katanya menerusi satu hantaran Facebook semalam.

Terdahulu, Anwar memak-



ANWAR Ibrahim bersalam dengan tokoh korporat Turkiye dalam majlis makan malam dan dialog anjuran Persatuan Ahli Perniagaan dan Pemain Industri Bebas (MUSIAD) di Kuala Lumpur semalam.

lumkan beliau semalam menghadiri Majlis Makan Malam dan Dialog anjuran Persatuan Ahli Perniagaan dan Pemain Industri Bebas (MUSIAD) sempena

misi perdagangan yang terdiri daripada 41 buah syarikat dari Turkiye.

Kata Perdana Menteri, beliau turut berkesempatan untuk

berjumpa dengan Duta Turkiye ke Malaysia, Emir Salim Yuksel, Naib Pengerusi MUSIAD, Davut Altunbas dan Pengerusi MUSIAD Malaysia, Sabri Yardimci.